



NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF TERENGGANU DARUL IMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 65
No. 10

10hb Mei 2012

TAMBAHAN
No. I

No. 457.

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN
(PERUNTUKAN MENGENAI TEMPAT LETAK KERETA)
(MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN) 2012

SUSUNAN PERENGGAN

BAHAGIAN I PERMULAAN

Perenggan

1. Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian
2. Tafsiran

BAHAGIAN II PERUNTUKAN AM

3. Kuasa menyediakan tempat letak kereta
4. Tidak dibenarkan meletakkan kenderaan motor kecuali di tempat letak kereta atau petak letak kereta

Perenggan

5. Pematuhan syarat
6. Cara meletakkan kenderaan motor
7. Tidak dibenarkan meletakkan kenderaan motor tanpa membayar caj ditetapkan
8. Pengeluaran kad meter

BAHAGIAN III
TEMPAT LETAK KERETA BERTIKET

9. Pematuhan arahan pembantu letak kereta
10. Pembayaran caj ditetapkan
11. Caj ditetapkan hendaklah dibayar kepada pembantu letak kereta
12. Meletak kereta kali kedua atas tiket asal
13. Caj tambahan

BAHAGIAN IV
TEMPAT LETAK KERETA BERMUSIM

14. Peruntukan tempat letak kereta bermusim
15. Permohonan tempat letak kereta bermusim
16. Mempamerkan tiket letak kereta bermusim

BAHAGIAN V
TEMPAT LETAK KERETA BERMETER

17. Tempat letak kereta bermeter
18. Tidak dibenarkan meletak kenderaan motor tanpa membayar caj ditetapkan
19. Tidak dibenarkan meletak kenderaan motor selepas tamat tempoh letak kereta
20. Meter letak kereta yang rosak
21. Gangguan terhadap meter letak kereta
22. Kesalahan

Perenggan

BAHAGIAN VI
TEMPAT LETAK KERETA BAYAR DAN PERAGA

23. Tempat letak kereta bayar dan peraga
24. Tidak dibenarkan meletak kenderaan motor tanpa membayar caj ditetapkan
25. Mempamerkan tiket letak kereta bayar dan peraga
26. Tidak dibenarkan meletak kenderaan motor selepas tamat tempoh letak kereta
27. Meter letak kereta bayar dan peraga yang rosak
28. Kesalahan

BAHAGIAN VII
TEMPAT LETAK KERETA BERKUPON

29. Pengeluaran kupon letak kereta
30. Pematuhan syarat
31. Penggunaan kupon letak kereta
32. Mempamerkan kupon letak kereta
33. Kesalahan

BAHAGIAN VIII
TEMPAT LETAK KERETA TERKAWAL

34. Tempat letak kereta terkawal
35. Syarat untuk meletak kenderaan motor
36. Caj tambahan
37. Penalty kerana menghilangkan tiket letak kereta terkawal
38. Kesalahan

BAHAGIAN IX
TEMPAT LETAK KERETA KHAS

39. Tempat letak kereta khas
40. Kenderaan motor yang dibenarkan di tempat letak kereta khas

Perenggan

BAHAGIAN X
TEMPAT LETAK KERETA SEMENTERA

41. Tempat letak kereta sementara
42. Pembayaran caj ditetapkan
43. Peruntukan yang terpakai

BAHAGIAN XI
TEMPAT LETAK KERETA BULANAN

44. Tiket letak kereta bulanan
45. Kesalahan

BAHAGIAN XII
PELBAGAI

46. Majlis tidak bertanggungjawab ke atas kehilangan atau kerosakan
47. Penggantungan tempat letak kereta
48. Penghalangan dan pengalihan
49. Pelupusan barang atau benda mudah rosak
50. Pelupusan kenderaan motor, barang atau benda yang tidak mudah rosak
51. Kenderaan motor dialih selepas satu hari
52. Majlis tidak bertanggungjawab ke atas kehilangan atau kerosakan
53. Pemandu atau pemunya tidak berhak menuntut lebihan bayaran letak kereta
54. Larangan
55. Pengalihan resit, tiket atau kompaun
56. Kecemasan
57. Liabiliti pemunya berdaftar
58. Pengecualian caj
59. Kuasa meminda Jadual
60. Kuasa untuk mengkompaun
61. Pendakwaan
62. Penalti
63. Pemansuhan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN
(PERUNTUKAN MENGENAI TEMPAT LETAK KERETA)
(MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 72 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] Majlis Perbandaran Kemaman sebagai pihak berkuasa berkenaan berhubung dengan mana-mana jalan yang terletak dalam kawasan Majlis Perbandaran Kemaman membuat perintah yang berikut:

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Mengenai Tempat Letak Kereta) (Majlis Perbandaran Kemaman) 2012.**
(2) Perintah ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.
(3) Perintah ini hendaklah terpakai hanya bagi kawasan Majlis Perbandaran Kemaman.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

“bulan” termasuklah sebahagian daripada satu bulan;

“caj ditetapkan” ertinya caj yang ditetapkan dalam Jadual Kedua bagi pembayaran caj letak kereta berkenaan dengan kenderaan motor yang diletak di petak letak kereta atau di tempat letak kereta;

“jalan” ertinya mana-mana jalan awam dan mana-mana jalan lain yang mana orang awam mempunyai akses dan termasuklah hentian sebelah, jalan bertingkat, bulatan, pulau lalu lintas, pembahagi jalan, lorong belakang, berbendul jalan, jalan sision, bahu jalan, jalan ubin, siar kaki atau jalan lalu sama ada boleh dilalui terus atau tidak semua saluran, parit dan longkang di tepi mana-mana jalan;

“jam” termasuklah sebahagian daripada satu jam;

“kad meter” ertinya suatu kad yang dikeluarkan oleh Majlis atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Majlis kepada mana-mana orang yang membenarkan orang itu meletakkan kenderaan motor di mana-mana tempat letak kereta sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis;

“kenderaan” ertinya suatu struktur yang boleh bergerak atau digerakkan atau digunakan bagi membawa mana-mana orang atau benda yang bersentuhan dengan permukaan bumi apabila bergerak;

“kenderaan motor” ertinya kenderaan daripada apa-apa perihal yang didorong oleh sesuatu mekanisme yang terkandung di dalam badan kenderaan itu dan dibina atau disesuaikan supaya dapat digunakan di atas jalan tetapi tidak termasuk mana-mana motorsikal atau motor skuter beroda dua;

“kupon letak kereta” ertinya kupon yang dikeluarkan oleh Majlis apabila bayaran dibuat yang padanya dinyatakan caj yang ditetapkan, tempoh masa dan tarikh kenderaan motor dibenarkan diletak di mana-mana tempat letak kereta, kecuali di tempat letak kereta bermusim atau tempat letak kereta terkawal bagi sesuatu tempoh masa pada tarikh tersebut;

“Majlis” ertinya Majlis Perbandaran Kemaman;

“meletak kereta” ertinya membawa satu kenderaan motor kepada keadaan yang tidak bergerak dan menyebabkannya menunggu bagi apa-apa maksud selain daripada mengambil atau menurunkan dengan serta-merta orang, barang atau bagasi;

“meter letak kereta” ertinya suatu radas yang dibina dan direka bentuk untuk menerima pembayaran dengan memasukkan wang atau dengan menggunakan kad-kad tertentu kerana menggunakan suatu petak letak kereta dalam sesuatu tempat letak kereta bagi maksud meletakkan suatu kenderaan motor dan hendaklah termasuk jenis meter letak kereta pelbagai petak, tiang besi, penyangga atau apa-apa topangan lain;

“meter letak kereta bayar dan peraga” ertinya meter letak kereta yang apabila dimasukkan wang atau kad meter ke dalam meter letak kereta dan dengan menekan atau memusing atau memetik mana-mana alat yang ditunjukkan pada meter itu, akan mengeluarkan suatu tiket letak kereta bayar dan peraga;

“meter letak kereta jenis automatik” ertinya meter letak kereta yang berfungsi dengan memasukkan wang atau kad meter ke dalam meter letak kereta dan yang kemudiannya mekanisme di dalam meter letak kereta secara automatik akan menunjukkan tempoh masa kenderaan motor dibenarkan diletak mengikut nilai wang yang dimasukkan;

“meter letak kereta jenis manual” ertinya meter letak kereta yang berfungsi dengan memasukkan wang ke dalam meter letak kereta dan dengan memutarkan tombol atau menekan atau memetik mana-mana alat lain yang perlu diperlakukan sedemikian bagi membolehkan wang diterima oleh meter tersebut yang akan menunjukkan tempoh masa kenderaan motor itu dibenarkan diletak mengikut nilai wang yang dimasukkan;

“orang kurang upaya” mempunyai makna yang sama sebagaimana yang diberikan di bawah Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685];

“pembantu letak kereta” ertinya mana-mana orang yang dilantik oleh Majlis bagi maksud Perintah ini dan termasuklah mana-mana anggota unit penguatkuasaan Majlis atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh atau bagi pihak Majlis untuk menyelia, mengurus atau menjaga mana-mana tempat letak kereta atau memungut caj ditetapkan;

“pemunya” mempunyai makna yang sama sebagaimana yang diberikan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333];

“pemunya berdaftar” ertinya orang yang didaftarkan sebagai pemunya kenderaan motor di bawah perenggan 11(1)(b) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333];

“petak letak kereta” ertinya suatu petak yang ditandakan sewajarnya dengan garisan bercat, tatahan, tanda atau tanda-tanda lain di tempat letak kereta bagi meletak satu kenderaan motor;

“tempat letak kereta” ertinya tempat yang ditetapkan oleh Majlis sebagai tempat di mana kenderaan motor atau mana-mana kelas atau perihal kenderaan motor yang dinyatakan diletak;

“tempat letak kereta bayar dan peraga” ertinya suatu tempat letak kereta di mana meter letak kereta bayar dan peraga digunakan;

“tempat letak kereta bermeter” ertinya tempat letak kereta di mana meter letak kereta jenis manual atau meter letak kereta jenis automatik digunakan;

“tempat letak kereta bermusim” ertinya tempat letak kereta yang bayarannya adalah berdasarkan caj bulanan sepertimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua dan petak letak kereta ditandakan dengan suatu tanda sebagaimana yang ditetapkan oleh Yang Dipertua dari semasa ke semasa;

“tempat letak kereta bertiket” ertinya tempat letak kereta di mana caj yang dikenakan adalah mengikut kiraan jam sepertimana yang ditetapkan di dalam Jadual Kedua dan untuk setiap jam kenderaan motor diletakkan di tempat letak kereta bertiket, suatu tiket letak kereta akan dikeluarkan oleh pembantu letak kereta;

“tempat letak kereta sementara” ertinya suatu tempat letak kereta bagi suatu tempoh yang terhad yang bayarannya adalah mengikut caj ditetapkan di dalam Jadual Kedua dan petak letak kereta akan ditanda dengan suatu tanda yang ditetapkan oleh Yang Dipertua;

“tempat letak kereta terkawal” ertinya tempat letak kereta bagi kenderaan motor di mana apabila sesebuah kenderaan motor dipandu masuk ke tempat letak kereta, tiket akan dikeluarkan oleh pembantu letak kereta atau mesin tiket automatik di kaunter masuk yang di atasnya akan dicatatkan tarikh dan waktu masuk dan bayaran hendaklah dijelaskan di kaunter keluar kepada pembantu letak kereta yang bertugas atau mesin tiket automatik mengikut kadar caj ditetapkan;

“tempoh letak kereta” ertinya tempoh masa yang ditunjukkan oleh meter letak kereta sebaik sahaja dimasukkan wang ke dalam meter letak kereta atau masa yang ditunjukkan oleh resit pembayaran yang diperolehi setelah menjelaskan caj ditetapkan bagi tempoh letak kereta;

“tiket letak kereta” ertinya tiket yang dikeluarkan oleh pembantu letak kereta menunjukkan nombor pendaftaran kenderaan motor, caj yang ditetapkan, tarikh serta tempoh sesebuah kenderaan motor dibenarkan diletak; dan berhubung dengan tempat letak kereta terkawal, ertinya tiket yang dikeluarkan sama ada oleh pembantu letak kereta atau mesin tiket jenis automatik dan tempoh meletak kereta adalah dikira daripadanya;

“tiket letak kereta bayar dan peraga” ertinya tiket yang dikeluarkan oleh meter letak kereta bayar dan peraga yang di atasnya tercatat tarikh, tempat dan tempoh sesebuah kenderaan motor dibenarkan untuk diletak di tempat letak kereta bayar dan peraga;

“tiket letak kereta bermusim” ertinya tiket yang dikeluarkan oleh Majlis yang padanya dinyatakan nombor petak letak kereta, nombor pendaftaran kenderaan motor dan tempoh sah bagi meletak kenderaan motor di tempat letak kereta bermusim;

“tiket letak kereta bulanan” ertinya tiket yang dikeluarkan secara bulanan oleh Majlis yang menunjukkan nombor pendaftaran kenderaan motor, tempoh sah letak kereta dan caj yang ditetapkan seperti pada Jadual Kedua bagi meletak kenderaan motor dan sah digunakan di semua jenis tempat letak kereta yang disediakan oleh Majlis kecuali tempat letak kereta bermusim;

“wang” ertinya syiling atau apa-apa kertas yang mempunyai nilai mata wang Malaysia; dan

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kemaman dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua.

BAHAGIAN II

PERUNTUKAN AM

Kuasa menyediakan tempat letak kereta

3. Majlis boleh mengadakan tempat letak kereta di atas mana-mana tanah, bangunan, jalan atau mana-mana bahagian jalan yang berada di bawah bidang kuasa pentadbiran Majlis yang dinyatakan dalam Jadual Pertama bagi kegunaan kenderaan motor dan tertakluk kepada peruntukan di dalam Akta dan Perintah ini.

Tidak dibenarkan meletakkan kenderaan motor kecuali di tempat letak kereta atau petak letak kereta

4. Tiada mana-mana orang boleh meletak atau menyebabkan atau membenarkan mana-mana kenderaan motor diletak atau menunggu di mana-mana tanah, bangunan, jalan atau mana-mana bahagian jalan melainkan di petak letak kereta yang telah disediakan oleh Majlis.

Pematuhan syarat

5. Mana-mana orang yang meletakkan kenderaan motor di tempat letak kereta hendaklah mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan oleh Majlis berhubung dengan penggunaan tempat letak kereta itu.

Cara meletakkan kenderaan motor

6. (1) Mana-mana orang yang meletakkan kenderaan motornya di petak letak kereta hendaklah meletakkan kenderaan motor itu mengikut cara yang berikut:

(a) kenderaan motor itu hendaklah diletakkan dalam kedudukan yang keseluruhannya berada di dalam petak letak kereta itu; dan

(b) kenderaan motor itu hendaklah diletakkan mengikut arah lalu lintas dan mematuhi semua isyarat lalu lintas yang ditunjukkan di tempat letak kereta itu.

(2) Jika mana-mana kenderaan motor yang diletakkan di petak letak kereta melanggar subperenggan (1), mana-mana pembantu letak kereta atau mana-mana pegawai polis boleh mengalih atau menyebabkan diubah kenderaan motor itu supaya kedudukannya mematuhi subperenggan (1) dan pemandu atau pemunya kenderaan motor itu hendaklah mematuhi apa-apa arahan yang diberi oleh pembantu letak kereta atau pegawai polis.

Tidak dibenarkan meletakkan kenderaan motor tanpa membayar caj ditetapkan

7. Tiada mana-mana orang boleh meletakkan apa-apa kenderaan motor di tempat letak kereta atau petak letak kereta tanpa membayar caj yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dalam waktu terkawal yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

Pengeluaran kad meter

8. Majlis atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Majlis boleh mengeluarkan kad meter setelah dibayar caj ditetapkan bagi meletak kenderaan motor di tempat letak kereta bayar dan peraga atau mana-mana tempat letak kereta sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

BAHAGIAN III**TEMPAT LETAK KERETA BERTIKET****Pematuhan arahan pembantu letak kereta**

9. Mana-mana orang yang meletakkan kenderaan motor di tempat letak kereta bertiket hendaklah mematuhi segala arahan yang diberikan kepadanya oleh mana-mana pembantu letak kereta yang bertugas di tempat letak kereta itu bagi tujuan pematuhan Perintah ini.

Pembayaran caj ditetapkan

10. (1) Sebaik sahaja kenderaan motor diletakkan di petak letak kereta di tempat letak kereta bertiket, pembantu letak kereta hendaklah mengeluarkan suatu tiket letak kereta dan meletakkan tiket itu pada cermin hadapan atau mana-mana bahagian kenderaan motor yang mudah dilihat dan pemandu atau pemunya kenderaan motor itu hendaklah membayar caj ditetapkan dalam tempoh tujuh hari dari tarikh tiket itu dikeluarkan.

(2) Jika kenderaan motor yang baginya tiket letak kereta telah dikeluarkan masih berada di tempat letak kereta selepas tamat tempoh sejam dari masa tiket letak kereta dikeluarkan maka pembantu letak kereta hendaklah mengeluarkan tiket letak kereta yang baru dan hendaklah terus berbuat demikian pada akhir tiap-tiap jam.

Caj ditetapkan hendaklah dibayar kepada pembantu letak kereta

11. Tiada mana-mana orang melainkan pembantu letak kereta yang bertugas dibenarkan mengutip caj ditetapkan daripada mana-mana pemandu atau pemunya kenderaan motor bagi penggunaan tempat letak kereta bertiket.

Meletak kereta kali kedua atas tiket asal

12. Tiada mana-mana orang yang telah mengalihkan kenderaan motornya dari satu petak letak kereta sebelum tamat tempoh yang dibenarkan bagi meletakkan kenderaan motor itu berhak meletakkan kenderaan motor itu dalam petak yang sama bagi kali keduanya melainkan petak letak kereta yang sama masih kosong dan pemandu atau pemunya kenderaan motor itu masih mempunyai tiket asal yang belum tamat tempoh bagi meletakkan kenderaan motor dan hendaklah menunjukkan kepada pembantu letak kereta yang bertugas dengan mempamerkan semula di atas papan pemuka menghadap cermin hadapan atau mana-mana bahagian kenderaan motor yang mudah dilihat.

Caj tambahan

13. (1) Mana-mana orang yang melanggar subperenggan 10(1) hendaklah membayar caj tambahan sebanyak lima ringgit bagi tiap-tiap jam yang kereta motor itu telah diletakkan di tempat letak kereta bertiket.

(2) Mana-mana orang yang gagal membayar caj tambahan dalam tempoh masa yang ditetapkan adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Perintah ini.

BAHAGIAN IV**TEMPAT LETAK KERETA BERMUSIM****Peruntukan tempat letak kereta bermusim**

14. (1) Majlis boleh menentukan sesuatu petak letak kereta sebagai petak letak kereta musim dan petak letak kereta tersebut akan ditanda dengan apa-apa notis yang ditetapkan oleh Majlis.

(2) Tiada mana-mana orang boleh meletakkan atau menyebabkan atau membenarkan diletak mana-mana kenderaan motor di tempat atau petak letak kereta bermusim tanpa tiket letak kereta bermusim atau terus meletakkan atau menyebabkan atau membenarkan terus diletakkan mana-mana kenderaan motor setelah tamat tempoh selama mana kenderaan motor itu dibenarkan diletak.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subperenggan (2) adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Perintah ini.

Permohonan tempat letak kereta bermusim

15. (1) Tiap-tiap permohonan bagi tempat letak kereta musim hendaklah dibuat secara bertulis kepada Yang Dipertua.

(2) Suatu tiket letak kereta bermusim boleh diperolehi setelah permohonan diluluskan oleh Yang Dipertua dan dibayar caj ditetapkan dalam Jadual Kedua dan hendaklah tertakluk kepada apa-apa syarat yang boleh dikenakan oleh Majlis.

(3) Suatu tiket letak kereta bermusim boleh dibatalkan oleh Yang Dipertua pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab selepas diberi notis tujuh hari kepada pemohon.

(4) Tiada apa-apa bayaran balik akan dibuat oleh Majlis berhubung dengan pembatalan yang dibuat di bawah subperenggan (3).

Mempamerkan tiket letak kereta bermusim

16. Suatu tiket letak kereta bermusim hendaklah dipamerkan pada setiap masa di atas papan pemuka menghadap cermin hadapan atau mana-mana bahagian kenderaan motor yang mudah dilihat bagi memastikan pandangan pembantu letak kereta tidak terhalang untuk memeriksa tiket itu semasa kenderaan motor itu diletakkan di tempat letak kereta bermusim.

BAHAGIAN V

TEMPAT LETAK KERETA BERMETER

Tempat letak kereta bermeter

17. Suatu tempat letak kereta bermeter boleh dibahagikan kepada petak-petak letak kereta dan tiap-tiap satu petak atau sebilangan petak disediakan dengan suatu meter letak kereta jenis manual atau meter letak kereta jenis automatik.

Tidak dibenarkan meletak kenderaan motor tanpa membayar caj ditetapkan

18. (1) Tiada mana-mana orang boleh meletakkan apa-apa kenderaan motor di tempat letak kereta bermeter tanpa membayar caj ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(2) Sebaik sahaja kenderaan motor diletakkan di petak letak kereta, pemandu atau pemunya kenderaan motor hendaklah membayar caj ditetapkan dengan memasukkan wang atau kad meter ke dalam meter letak kereta sebagaimana yang ditunjukkan pada meter letak kereta yang sama nilainya dengan amaan caj ditetapkan bagi apa-apa tempoh kenderaan motor itu hendak diletakkan.

Tidak dibenarkan meletak kenderaan motor selepas tamat tempoh letak kereta

19. (1) Tiada mana-mana orang boleh membenarkan atau menyebabkan mana-mana kenderaan motor itu terus berada di petak letak kereta bermeter selepas tamat tempoh masa kenderaan motor itu dibenarkan diletak sebagaimana ditunjukkan pada meter tersebut.

(2) Mana-mana orang yang ingin melanjutkan tempoh letak kereta hendaklah sebelum atau sebaik sahaja tamat tempoh letak kereta terdahulu, memasukkan wang atau kad meter ke dalam meter letak kereta yang sama nilainya dengan amaun caj ditetapkan bagi apa-apa tempoh lanjutan yang dikehendakinya sehingga tempoh maksimum yang dibenarkan pada suatu masa.

Meter letak kereta yang rosak

20. (1) Mana-mana orang yang meletakkan kenderaan motor di petak letak kereta bermeter di mana meter letak kereta adalah tidak berfungsi atau rosak hendaklah memberitahu pembantu letak kereta mengenai hal itu.

(2) Apabila hal itu disahkan sebagaimana yang disebut dalam subperenggan (1), pembantu letak kereta hendaklah mengeluarkan resit bayaran rasmi yang padanya hendaklah dicatat —

- (a) nombor pendaftaran kenderaan motor itu;
- (b) tarikh dan tempoh masa kenderaan motor itu dibenarkan diletak yang sama kadarnya dengan amaun wang yang dikatakan telah dimasukkan ke dalam meter letak kereta itu; dan
- (c) menampalkan suatu salinan pendua resit itu pada cermin hadapan atau mana-mana bahagian kenderaan motor itu yang mudah dilihat.

(3) Pembantu letak kereta yang bertugas hendaklah menampalkan pada mana-mana meter letak kereta yang tidak berfungsi atau rosak suatu notis bagi maksud itu, atau menutup meter letak kereta itu dengan suatu penutup atau dengan apa-apa cara lain yang difikirkannya patut.

(4) Dalam hal keadaan subperenggan (3), perenggan 9 hingga 13 adalah terpakai *mutatis mutandis* ke atas petak letak kereta tersebut.

Gangguan terhadap meter letak kereta

21. Tiada mana-mana orang boleh mengalih atau mengetuk, atau mengganggu atau mengusik perjalanan sesuatu meter letak kereta atau cuba melakukan mana-mana daripada perbuatan sedemikian, atau tanpa kuasa yang sempurna menampal atau cuba menampal apa-apa pelekat, iklan, notis, senarai, dokumen, papan atau benda pada, atau mengecat atau menulis atas, atau merosakkan atau selainnya menyalahgunakan mana-mana meter letak kereta.

Kesalahan

22. Mana-mana orang yang melanggar perenggan 18, 19 dan 21 adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Perintah ini.

BAHAGIAN VI**TEMPAT LETAK KERETA BAYAR DAN PERAGA****Tempat letak kereta bayar dan peraga**

23. Suatu tempat letak kereta bayar dan peraga boleh dibahagikan kepada petak-petak letak kereta dan bagi sebilangan petak letak kereta itu sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis, hendaklah disediakan satu meter letak kereta bayar dan peraga.

Tidak dibenarkan meletak kenderaan motor tanpa membayar caj ditetapkan

24. (1) Tiada mana-mana orang boleh meletakkan apa-apa kenderaan motor di petak letak kereta bayar dan peraga tanpa membayar caj ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(2) Sebaik sahaja kenderaan motor diletakkan, pemandu atau pemunya kenderaan motor itu hendaklah membayar caj ditetapkan dengan memasukkan ke dalam meter letak kereta bayar dan peraga wang atau kad meter sebagaimana yang ditunjukkan pada meter letak kereta bayar dan peraga itu yang sama nilainya dengan amaun caj ditetapkan untuk tempoh masa kenderaan motor itu hendak diletak.

Mempamerkan tiket letak kereta bayar dan peraga

25. (1) Setelah menerima tiket letak kereta bayar dan peraga, pemandu atau pemunya kenderaan motor hendaklah mempamerkan tiket itu di atas papan pemuka menghadap cermin hadapan atau di mana-mana bahagian kenderaan motor yang mudah dilihat bagi memastikan pandangan pembantu letak kereta tidak terhalang untuk memeriksa tiket tersebut ketika kenderaan motor itu diletakkan di tempat letak kereta bayar dan peraga.

(2) Tiket letak kereta bayar dan peraga adalah sah digunakan di mana-mana tempat letak kereta kecuali di tempat letak kereta bermusim dan tempat letak kereta terkawal, dengan syarat hanya kenderaan motor yang sama sahaja boleh menggunakan dan tempoh masa dan tarikh yang dinyatakan di atas tiket letak kereta bayar dan peraga masih belum tamat.

(3) Tiket letak kereta bayar dan peraga yang telah dipinda, diubah, dirosakkan atau dilipat hendaklah menjadi tidak sah walaupun tempoh masa dan tarikh yang dinyatakan dalamnya itu masih belum tamat.

Tidak dibenarkan meletak kenderaan motor selepas tamat tempoh letak kereta

26. (1) Tiada mana-mana orang boleh membenarkan atau menyebabkan kenderaan motor terus berada di petak letak kereta bayar dan peraga selepas tamat tempoh masa kenderaan motor itu dibenarkan diletak sebagaimana yang ditunjukkan pada tiket letak kereta bayar dan peraga.

(2) Mana-mana orang yang ingin melanjutkan tempoh letak kereta hendaklah memperoleh tiket letak kereta bayar dan peraga yang baru dengan memasukkan wang atau kad meter ke dalam meter letak kereta yang sama nilainya dengan amaun caj ditetapkan bagi apa-apa tempoh yang dikehendaki.

Meter letak kereta bayar dan peraga yang rosak

27. (1) Mana-mana orang yang meletak kereta di tempat letak kereta bayar dan peraga yang meter letak kereta bayar dan peraga tidak berfungsi atau rosak hendaklah memberitahu mana-mana pembantu letak kereta yang bertugas mengenai hal itu.

(2) Apabila hal itu disahkan sebagaimana yang disebut dalam subperenggan (1), pembantu letak kereta hendaklah mengeluarkan resit bayaran rasmi yang padanya hendaklah dicatat —

- (a) nombor pendaftaran kenderaan motor itu;
- (d) tarikh dan tempoh masa kenderaan motor itu dibenarkan diletak yang sama kadarnya dengan amaun wang yang dikatakan telah dimasukkan ke dalam meter letak kereta bayar dan peraga itu; dan
- (e) menampalkan suatu salinan pendua resit itu pada cermin hadapan atau mana-mana bahagian kenderaan motor itu yang mudah dilihat.

(3) Pembantu letak kereta hendaklah menampalkan pada mana-mana meter letak kereta bayar dan peraga yang tidak berfungsi atau rosak suatu notis bagi maksud itu atau menutup meter letak kereta bayar dan peraga itu dengan suatu penutup atau dengan apa-apa cara yang difikirkan sesuai.

(4) Dalam hal keadaan subperenggan (3), peruntukan perenggan 9 hingga 13 adalah terpakai *mutatis mutandis* ke atas petak letak kereta tersebut.

Kesalahan

28. Mana-mana pemandu atau pemunya kenderaan motor yang —

- (a) gagal mempamerkan tiket letak kereta bayar dan peraga yang sah;
- (b) mempamerkan tiket letak kereta bayar dan peraga yang telah tamat tempoh; atau
- (c) mempamerkan tiket letak kereta bayar dan peraga di dalam keadaan di mana tiket letak kereta bayar dan peraga tidak dapat dikenalpasti atau dilihat oleh pembantu letak kereta semasa menjalankan pemeriksaan,

adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Perintah ini.

BAHAGIAN VII

TEMPAT LETAK KERETA BERKUPON

Pengeluaran kupon letak kereta

29. Majlis atau mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis oleh Majlis boleh mengeluarkan kupon letak kereta setelah dibayar caj ditetapkan dalam Jadual Kedua bagi meletak kenderaan motor di tempat letak kereta berkupon.

Pematuhan syarat

30. Mana-mana orang yang menggunakan kupon letak kereta hendaklah mematuhi syarat-syarat yang dinyatakan pada kupon letak kereta.

Penggunaan kupon letak kereta

31. Mana-mana orang yang menggunakan kupon letak kereta boleh meletakkan kenderaan motornya di mana-mana petak letak kereta di tempat letak kereta berkupon yang ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

Mempamerkan kupon letak kereta

32. (1) Mana-mana pemandu atau pemunya kenderaan motor yang menggunakan kupon letak kereta hendaklah mempamerkan kupon itu di atas papan pemuka menghadap cermin hadapan atau mana-mana bahagian kenderaan motor yang mudah dilihat bagi memastikan bahawa pandangan pembantu letak kereta tidak terhalang untuk memeriksa kupon tersebut ketika kenderaan motor diletakkan di tempat letak kereta berkupon.

(2) Jika lebih daripada satu kupon letak kereta diperlukan untuk digunakan di tempat letak kereta berkupon, pemandu atau pemunya kenderaan motor hendaklah mempamerkan ke semua kupon tersebut pada masa yang sama.

(3) Mana-mana kupon letak kereta yang telah digunakan mengikut tempoh masa yang diperlukan hendaklah menjadi tidak sah jika ia dipinda, diubah, dirosak, dilipat atau diconteng.

Kesalahan

33. Mana-mana pemandu atau pemunya kenderaan motor yang —

- (a) gagal mempamerkan kupon letak kereta yang sah;
- (b) mempamerkan kupon letak kereta yang telah tamat tempoh yang dibenarkan; atau
- (c) gagal mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam kupon letak kereta,

adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Perintah ini.

BAHAGIAN VIII**TEMPAT LETAK KERETA TERKAWAL****Tempat letak kereta terkawal**

34. Suatu tempat letak kereta terkawal boleh dibahagikan kepada petak-petak letak kereta sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis dari semasa ke semasa dan caj yang ditetapkan adalah seperti mana dinyatakan dalam Jadual Kedua.

Syarat untuk meletak kenderaan motor

35. (1) Mana-mana orang yang meletakkan kenderaan motor di tempat letak kereta terkawal hendaklah mendapatkan tiket letak kereta yang dikeluarkan oleh pembantu letak kereta atau mesin tiket jenis automatik di pintu masuk tempat letak kereta itu dan padanya dinyatakan tarikh serta waktu masuk ke tempat letak kereta berkenaan.

(2) Setelah menerima tiket letak kereta, pemandu atau pemunya kenderaan motor hendaklah menyimpan tiket itu untuk diserahkan kembali kepada pembantu letak kereta di pintu keluar atau mesin tiket jenis automatik dan dia hendaklah membayar caj ditetapkan untuk tempoh masa kenderaan motor tersebut diletakkan di petak kereta di tempat letak kereta terkawal.

Caj tambahan

36. Jika mana-mana orang meletakkan kenderaan motornya di tempat letak kereta terkawal melebihi tempoh masa yang ditetapkan oleh Majlis, orang itu hendaklah membayar caj tempat letak kereta bagi masa yang kenderaan motor itu diletakkan di tempat letak kereta dan caj tambahan sejumlah sepuluh ringgit sehari.

Penalti kerana menghilangkan tiket letak kereta terkawal

37. Mana-mana pemandu atau pemunya kenderaan motor yang telah menghilangkan tiket letak kereta atau sekiranya tiket itu rosak hendaklah membayar penalti sebanyak dua puluh ringgit kepada pembantu letak kereta yang bertugas.

Kesalahan

38. Mana-mana pemandu atau pemunya kenderaan motor yang gagal mematuhi perenggan 35, 36 atau 37 adalah melakukan kesalahan di bawah Perintah ini.

BAHAGIAN IX

TEMPAT LETAK KERETA KHAS

Tempat letak kereta khas

39. Sesuatu tempat letak kereta khas boleh dibahagikan kepada petak-petak letak kereta dan hendaklah sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

Kenderaan motor yang dibenarkan di tempat letak kereta khas

40. (1) Tiada mana-mana orang boleh meletak atau menyebabkan diletak atau membenarkan diletak mana-mana kenderaan di petak letak kereta yang dikhaskan untuk kenderaan atau keadaan tertentu.

(2) Mana-mana orang yang meletak atau menyebabkan diletak mana-mana kenderaan dengan melanggar subperenggan (1) di atas adalah melakukan kesalahan di bawah Perintah ini.

BAHAGIAN X

TEMPAT LETAK KERETA SEMENTARA

Tempat letak kereta sementara

41. (1) Majlis boleh menentukan mana-mana tanah, bangunan, jalan atau bahagian jalan yang difikirkan sesuai sebagai tempat letak kereta sementara selain daripada kawasan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan Majlis boleh mengenakan apa-apa syarat yang difikirkan sesuai.

Dengan syarat bahawa sesuatu tempat letak kereta sementara berkenaan hendaklah tidak melebihi tempoh enam bulan dan hendaklah terhenti berkuat kuasa apabila tamat tempoh enam bulan tersebut.

(2) Bagi maksud subperenggan (1), suatu notis yang sesuai hendaklah dipamerkan di tempat yang ketara tidak kurang daripada tujuh hari sebelum mana-mana tanah, bangunan, jalan atau bahagian jalan diluluskan oleh Majlis sebagai tempat letak kereta sementara.

(3) Jika Majlis berhasrat untuk melanjutkan tempoh tempat letak kereta sementara, suatu notis yang sesuai hendaklah dipamerkan di tempat yang ketara tidak kurang daripada tujuh hari sebelum tamat tempoh tempat letak kereta sementara tersebut.

Pembayaran caj ditetapkan

42. Tiada seorang pun boleh meletakkan kenderaan motor di petak letak kereta di tempat letak kereta sementara tanpa membayar caj ditetapkan sebagaimana sistem tempat letak kereta yang ditetapkan oleh Majlis di bawah Perintah ini.

Peruntukan yang terpakai

43. Mana-mana kenderaan motor yang diletakkan di mana-mana petak letak kereta di tempat letak kereta sementara adalah tertakluk kepada peruntukan yang berhubungan dengan sistem tempat letak kereta yang ditetapkan oleh Majlis di bawah Perintah ini.

BAHAGIAN XI

TIKET LETAK KERETA BULANAN

Tiket letak kereta bulanan

44. (1) Mana-mana orang boleh mendapatkan tiket letak kereta bulanan apabila membayar caj yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(2) Tiap-tiap tiket letak kereta bulanan yang dikeluarkan di bawah Perintah ini hendaklah dalam bentuk yang ditetapkan oleh Yang Dipertua dari semasa ke semasa dan hendaklah mengandungi maklumat berikut—

- (a) tempoh sah tiket;
- (b) jumlah bayaran yang dijelaskan; dan
- (c) nombor pendaftaran kenderaan motor.

(3) Tiket letak kereta bulanan yang sah hendaklah dipamerkan di cermin hadapan kenderaan motor atau mana-mana bahagian kenderaan motor yang mudah dilihat pada setiap masa dan pemegang tiket letak kereta bulanan hendaklah memastikan bahawa pembantu letak kereta yang bertugas tidak dihalang pandangannya untuk memeriksa tiket tersebut pada bila-bila masa apabila kenderaan motor itu diletakkan di tempat letak kereta bertiket atau bermeter.

(4) Tiket letak kereta bulanan tersebut hanya sah digunakan oleh kenderaan motor sepetimana nombor pendaftaran yang dicatatkan pada tiket tersebut dan tidak boleh digunakan di kenderaan motor yang lain.

(5) Mana-mana kenderaan motor yang mempunyai suatu pelekat tiket letak kereta bulanan boleh diletakkan di mana-mana tempat letak kereta bertiket atau bermeter sahaja dan dikecualikan daripada bayaran dalam tempoh sah tiket letak kereta bulanan tersebut.

(6) Setiap kenderaan motor yang mempunyai suatu pelekat tiket letak kereta bulanan adalah tertakluk kepada peruntukan di dalam Perintah ini.

Kesalahan

45. Mana-mana pemandu atau pemunya kenderaan motor yang gagal mematuhi subperenggan 44(3), 44(4) dan 44(5) adalah melakukan kesalahan di bawah Perintah ini.

BAHAGIAN XII

PELBAGAI

Majlis tidak bertanggunggan ke atas kehilangan atau kerosakan

46. Majlis tidak akan bertanggungan ke atas apa-apa kerosakan atau kehilangan mana-mana kenderaan motor atau kelengkapan atau kandungan mana-mana kenderaan motor yang diletakkan di mana-mana tempat letak kereta yang disediakan oleh Majlis.

Penggantungan tempat letak kereta

47. (1) Majlis boleh menggantung penggunaan mana-mana tempat atau petak letak kereta apabila penggantungan itu difikirkan perlu —

- (a) bagi maksud memudahkan pergerakan lalu lintas atau bagi mewujudkan keselamatan lalu lintas ;
- (b) bagi maksud menjalankan apa-apa kerja binaan, perobohan atau pengorekan atau bagi penyelenggaraan, pemajuan atau pembinaan semula tempat letak kereta atau pemasangan, pendirian, pengubahan atau pembaikan mana-mana betung atau mana-mana kabel, paip atau peralatan untuk bekalan air atau elektrik atau mana-mana talian telefon atau telegraf yang berdampingan atau berdekatan dengan tempat letak kereta itu; atau
- (c) bagi menyenangkan penghuni premis yang berdampingan atau berdekatan dengan tempat letak kereta ketika mengadakan upacara rasmi atau keagamaan atau apa-apa sebab lain yang difikirkan patut oleh Yang Dipertua

(2) Atas apa-apa penggantungan yang dinyatakan di subperenggan (1), mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Majlis hendaklah menampalkan suatu notis yang sesuai berhampiran atau di tempat letak kereta atau petak letak kereta itu, dan adalah menyalahi undang-undang bagi mana-mana orang meletakkan apa-apa kenderaan motor di tempat letak kereta atau petak kereta itu melainkan bagi maksud yang mana penggantungan itu dibuat.

(3) Jika mana-mana orang menghendaki penggunaan mana-mana petak atau petak-petak letak kereta digantung bagi tujuan persendirian, suatu permohonan bagi penggantungan itu boleh dibuat kepada Majlis dengan menyatakan tempat, bilangan petak letak kereta dan tempoh penggantungan yang diperlukan dan orang yang membuat permohonan itu hendaklah membayar kepada Majlis caj yang ditetapkan sepertimana dinyatakan dalam Jadual Kedua bagi jangka masa penggantungan tersebut.

Penghalangan dan pengalihan

48. (1) Tiada mana-mana orang boleh menghalang atau menyebabkan terhalang mana-mana tempat atau petak letak kereta.

(2) Mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Majlis, mana-mana pembantu letak kereta atau mana-mana pegawai polis boleh menggunakan apa-apa peralatan

atau dengan apa-apa cara yang sesuai menahan dari bergerak atau mengalih untuk ditahan apa-apa kenderaan motor, barang atau benda yang—

- (a) menghalang atau menyebabkan terhalang mana-mana tempat atau petak letak kereta;
- (b) menggunakan mana-mana tempat atau petak letak kereta bagi maksud menjalankan apa-apa perdagangan atau perniagaan;
- (c) menghalang atau menyebabkan terhalang mana-mana meter letak kereta di tempat atau petak letak kereta;
- (d) menggunakan tempat atau petak letak kereta bagi mempamerkan kenderaan motor untuk jualan;
- (e) menghalang atau menyebabkan terhalang mana-mana tempat atau petak letak kereta yang dikhaskan untuk orang kurang upaya; atau
- (f) menghalang atau menyebabkan terhalang mana-mana pili bomba di tempat atau petak letak kereta.

(3) Mana-mana kenderaan motor, barang atau benda yang telah ditahan dan dialihkan hendaklah disimpan di depoh atau mana-mana tempat yang ditentukan oleh Majlis.

Pelupusan barang atau benda mudah rosak

49. (1) Majlis boleh mengarahkan supaya apa-apa barang atau benda yang dialih di bawah subperenggan 48(2) yang merupakan jenis mudah rosak, dilupuskan atau dijual dan apa-apa hasilnya, jika ada, boleh dituntut oleh tuan punya barang atau benda tersebut selepas ditolak segala perbelanjaan yang ditanggung oleh Majlis bagi pengalihan, pelupusan atau penjualan barang atau benda itu.

(2) Jika tiada tuntutan dibuat selepas tamat tempoh tiga bulan dari tarikh penjualan itu, hasil jualan itu hendaklah dikreditkan ke dalam pendapatan Majlis.

Pelupusan kenderaan motor, barang atau benda yang tidak mudah rosak

50. (1) Tuan punya kenderaan motor, barang atau benda yang tidak mudah rosak yang telah dialihkan dan ditahan di bawah subperenggan 48(2), boleh dalam masa tiga puluh hari dari tarikh pengalihan itu menuntut kenderaan motor, barang atau benda

itu daripada Majlis setelah membayar kepada Majlis semua bayaran dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Majlis bagi pengalihan dan penahanan itu.

(2) Jika tiada tuntutan dibuat berhubung pengalihan yang dinyatakan di bawah subperenggan (1), Majlis boleh mengarahkan supaya kenderaan motor, barang atau benda itu dijual atau dilupuskan dengan cara yang difikirkan sesuai oleh Majlis.

(3) Jika tiada tuntutan terhadap hasil jualan di bawah subperenggan (2) dibuat selepas tamat tempoh tiga bulan dari tarikh penjualan itu, hasil jualan itu hendaklah dikreditkan ke dalam pendapatan Majlis.

Kenderaan motor dialih selepas satu hari

51. (1) Jika kenderaan motor diletak dengan berterusan selama lebih daripada satu hari di tempat atau petak letak kereta apabila tempoh letak kereta telah tamat, kenderaan motor itu hendaklah dialih oleh mana-mana pembantu letak kereta yang bertugas atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Majlis atau mana-mana pegawai polis dari tempat atau petak letak kereta tersebut dan disimpan di bawah jagaan Majlis.

(2) Mana-mana kenderaan motor yang dialihkan di bawah subperenggan (1) boleh ditahan oleh Majlis sehingga caj-caj yang kena dibayar berkenaan dengan penggunaan tempat atau petak letak kereta sehingga masa kenderaan motor itu dialihkan dari tempat tersebut berserta dengan perbelanjaan yang ditanggung oleh Majlis dalam mengalih dan menahan kenderaan motor tersebut telah dibayar kepada Majlis.

Majlis tidak bertanggungjawab ke atas kehilangan atau kerosakan

52. Majlis, Yang Dipertua, pegawai Majlis atau mana-mana pembantu letak kereta yang menguatkuasakan Perintah ini tidak akan bertanggungan atas apa-apa kerosakan atau apa-apa kehilangan pada mana-mana kenderaan motor yang telah dialih dan ditahan oleh Majlis mengikut peruntukan Perintah ini sama ada semasa atau selepas tindakan penguatkuasaan itu.

Pemandu atau pemunya tidak berhak menuntut lebihan bayaran letak kereta

53. Mana-mana orang yang telah mengeluarkan kenderaan motornya dari petak letak kereta sebelum tamat tempoh masa yang dibenarkan untuk meletakkan kenderaan motor itu tidak berhak untuk menuntut apa-apa lebihan bayaran letak kereta yang telah dibayar atau lebihan masa yang masih tidak digunakan.

Larangan

54. (1) Tiada mana-mana orang boleh –
- (a) menggunakan mana-mana tempat atau petak letak kereta bagi maksud menjalankan apa-apa perdagangan atau perniagaan;
 - (b) membaiki mana-mana kenderaan motor atau membenarkan kenderaan motor dibaiki di tempat letak kereta kecuali dalam hal pemberiannya adalah perlu untuk membolehkan kenderaan motor itu dialih dari petak letak kereta itu;
 - (c) mencuci atau membersih atau menyebabkan atau membenarkan dicuci atau dibersihkan mana-mana kenderaan di tempat atau petak letak kereta; atau
 - (d) meletakkan atau mempamerkan apa-apa notis atau iklan pada mana-mana kenderaan motor untuk tujuan menjual kenderaan motor itu semasa kenderaan itu diletakkan di tempat atau petak letak kereta atau menggunakan kenderaan motor yang diletakkan di tempat atau petak letak kereta selain daripada tujuan meletak kereta.
- (2) Sesiapa yang melakukan mana-mana perbuatan di subperenggan (1) adalah melakukan kesalahan di bawah Perintah ini.

Pengalihan resit, tiket atau kompaun

55. Tiada mana-mana orang selain daripada orang yang diberi kuasa oleh Majlis boleh mengalih atau menyebabkan dialih apa-apa resit, tiket atau notis kompaun yang dikeluarkan oleh mana-mana pembantu letak kereta yang bertugas atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Majlis yang ditampalkan pada cermin hadapan atau mana-mana bahagian kenderaan motor yang mudah dilihat semasa ianya diletakkan di tempat atau petak letak kereta.

Kecemasan

56. Dalam keadaan kecemasan, mana-mana pembantu letak kereta yang bertugas atau mana-mana pegawai polis boleh mengalih atau menyebabkan dialih ke mana-mana tempat yang difikirkan sesuai mana-mana kenderaan motor yang diletak di tempat atau petak letak kereta.

Liabiliti pemunya berdaftar

57. Dalam hal pelanggaran terhadap atau kegagalan untuk mematuhi mana-mana peruntukan Perintah ini, pemunya berdaftar kenderaan motor adalah dianggap sebagai telah melanggar atau gagal mematuhi peruntukan atau peruntukan-peruntukan itu jika pemandu atau orang (yang bukannya pemunya berdaftar) yang sebenarnya melanggar atau gagal mematuhi peruntukan-peruntukan itu tidak boleh dikenal pasti atau tidak boleh dikesan.

Pengecualian caj

58. (1) Majlis boleh mengikut budi bicaranya mengecualikan mana-mana badan atau orang daripada bayaran apa-apa caj yang ditetapkan dalam Perintah ini.

(2) Bagi maksud subperenggan (1), Yang Dipertua boleh mengeluarkan suatu pelekat yang mengandungi nombor pendaftaran kenderaan motor itu untuk dikenal pasti.

Kuasa meminda Jadual

59. Majlis boleh mengikut budi bicaranya menambah, meminda atau membatalkan kesemua atau mana-mana bahagian Jadual di bawah Perintah ini jika difikirkan perlu untuk berbuat demikian.

Kuasa untuk mengkompaun

60. (1) Apa-apa kesalahan yang dilakukan di bawah Perintah ini boleh dikompaun oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 120 Akta Pengangkutan Jalan 1987.

(2) Jumlah wang yang dikutip bagi mengkompaun apa-apa kesalahan di bawah Perintah ini hendaklah tidak melebihi tiga ratus ringgit.

Pendakwaan

61. (1) Tiada pendakwaan bagi suatu kesalahan boleh dimulakan di bawah Perintah ini kecuali dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

